

Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk



# Siri Penjelajah Visual Alkitab



## Cerita Kehidupan Yesus

Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga Pemuliaan

Jilid 2: Yesus – Penyelamat

*Sekolah Rendah Tahap 1*

✝ Penerbitan Buku Kristian

*Umur 7 - 8*

SAMPLE

---

# Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk Siri Penjelajah Visual Alkitab

---

berdasarkan

## Cerita Kehidupan Yesus

Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga  
Pemuliaan

Jilid 2: Yesus – Penyelamat

**Sekolah Rendah Tahap 1**

***(Umur 7 - 8)***

---

# Hak Cipta



---

Diterbitkan buat pertama kali di Malaysia oleh  
Pristine World Sdn Bhd pada 2023

Hak cipta © 2023 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan atau multimedia ini tidak boleh disalin, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotostat, rakaman, imbasan, atau cara-cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB VERSI BORNEO.  
Hak cipta © 2015.

'Dipetik daripada Alkitab  
© Borneo Sabda Limited'

---

## Penghargaan

Pristine World ingin mengucapkan terima kasih kepada Goh Kim Guat, Lydia Wong Hwei Ming, Chew Bee Bee dan Samantha Yong kerana meluangkan masa membantu dalam pengembangan Buku Aktiviti Pelajar untuk siri ini.

# Bagaimana menggunakan Buku ini

## Menggunakan Buku ini sebagai Buku Pengiring

Buku aktiviti pelajar ini direka sebagai buku pengiring lalu paling baik digunakan bersama buku multimedia "Siri Penjelajah Visual Alkitab – Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1 dan 2."

Dalam suasana sekolah Minggu atau kelas Alkitab Kanak-kanak, cikgu boleh mainkan pelajaran multimedia satu per satu dan seterusnya membahagikan kelas mengikut umur. Dalam kelompok umur, cikgu bolehlah menggunakan buku aktiviti pelajar ini untuk menegaskan semula pengajaran yang telah disampaikan melalui multimedia.

## Menggunakan Buku tanpa Multimedia

Kami faham bahawa bukan semua kelas mempunyai kemudahan untuk menggunakan buku multimedia. Kelas Alkitab boleh dijalankan menggunakan Buku Aktiviti Pelajar dan Alkitab. Dalam kes ini, amat penting untuk seseorang membacakan petikan yang diberi untuk pelajaran. Petikan yang digunakan dalam buku aktiviti diambil daripada Alkitab Versi Borneo.

## Tempoh setiap Pengajaran

Kami cadangkan cikgu mengambil masa sekurang-kurangnya 40 – 50 minit untuk setiap pelajaran. Namun, jikalau sesuatu pelajaran tidak sempat dihabiskan dalam masa yang diperuntukkan, boleh bersambung pada minggu seterusnya. Sebaik-baiknya, satu pelajaran setiap minggu.

## Menjurnal respons mereka

Minta pelajar tulis jawapan mereka kepada soalan-soalan Respons, Penerapan dan Doa terus dalam buku. Seterusnya, buku boleh dijadikan jurnal atau album foto pengembangan rohani mereka sewaktu mereka mengambil pengembaraan penjelajahan dalam perjalanan Kristian mereka; tetapi ingatkan pelajar bahawa proses membesar memerlukan pembelajaran serta penerapan.

Semoga anda diberkati ketika menggunakan Siri Penjelajah Visual Alkitab untuk belajar dan menerap pengajaran berharga daripada Alkitab.

# Carta Ringkasan Pelayanan Kristus

Peristiwa	Tempat	Tarikh (anggaran)
1. Kelahiran Yesus	Betlehem	4 -6 SM
2. Pembaptisan Yesus	Sungai Yordan	26 TM
3. Yesus dicuba Syaitan	Tanah Gurun	26 TM
4. Yesus memanggil murid pertama-Nya	Kapernaum, Tasik Galilea	27 TM
5. Yesus memilih 12 murid	Kapernaum	28 TM
6. Khutbah di atas Bukit	Galilea	28 TM
7. Yesus meredakan angin ribut dan menyembuhkan anak perempuan Yairus	Tasik Galilea Kapernaum	28 TM
8. 12 murid diutus keluar berkhotbah dan menyembuhkan orang	Kapernaum	28 TM
9. Herodes Antipas membunuh Yohanes Pembaptis	Machaerus	29 TM
10. Yesus memberi makan orang ramai lalu berjalan di atas air	Dekat Betsaida Tasik Galilea	29 TM
11. Petrus mengatakan Yesus itu Anak Tuhan	Kaisarea Filipi	29 TM
12. Yesus dimuliakan	Puncak gunung	seminggu kemudian
13. Yesus membangkitkan Lazarus yang mati	Betania	Hujung 29 TM
14. Yesus memulakan perjalanan terakhir ke Yerusalem	Betania	30 TM
15. Yesus bertemu Zakheus	Yerikho	30 TM
16. Yesus masuk ke Yerusalem dan tinggal di sana buat minggu terakhir	Yerusalem	30 TM Isnin hingga Khamis
17. Penyaliban	Yerusalem	Jumaat
18. Kebangkitan	Yerusalem	Ahad
19. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 10 murid	Yerusalem	Ahad
20. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 11 murid (termasuk Tomas)	Yerusalem	Seminggu kemudian
21. Yesus berbual dengan beberapa murid	Tasik Galilea	-
22. Yesus naik ke syurga	Bukit Zaitun, Yerusalem	40 hari

\* Anggaran tarikh tambah tolak 2 tahun

# Peta bagi tempat-tempat utama dalam cerita kehidupan Yesus



# Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1

---

## ISI KANDUNGAN

---

Pelajaran 1	Kata Pengantar Kisah Injil dan Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal	8
Pelajaran 2	Kelahiran Yesus Diramal	10
Pelajaran 3	Kelahiran Yesus	12
Pelajaran 4	Bintang dan Ahli ilmu Bintang	14
Pelajaran 5	Yohanes Pembaptis	16
Pelajaran 6	Pencubaan Yesus	18
Pelajaran 7	Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia	20
Pelajaran 8	Panggilan 12 Murid	22
Pelajaran 9	Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa	24
Pelajaran 10	Kuasa Mengampun Dosa	26
Pelajaran 11	Ucapan Bahagia	28
Pelajaran 12	Khutbah Di Bukit	30
Pelajaran 13	Iman, Kuasa dan Kewibawaan	32
Pelajaran 14	Yesus Dan Anak Yairus	34
Pelajaran 15	Memberi Makan Kerumunan Besar	36
Pelajaran 16	Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias	38
Pelajaran 17	Pemuliaan	40

# Cerita Kehidupan Yesus Jilid 2

---

## ISI KANDUNGAN

---

Pelajaran 18	Wanita Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati	42
Pelajaran 19	Kepentingan Menjadi Rendah Hati	44
Pelajaran 20	Ibarat Tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai	46
Pelajaran 21	Yesus dan Lazarus	48
Pelajaran 22	Yesus dan Zakheus	50
Pelajaran 23	Yesus Masuk ke Yerusalem	52
Pelajaran 24	Yesus dan Nikodemus	54
Pelajaran 25	Perjamuan Tuhan	56
Pelajaran 26	Jamuan Paskah dan Ertinya	58
Pelajaran 27	Taman Getsemani	60
Pelajaran 28	Yesus Dihakimi Orang Yahudi	62
Pelajaran 29	Yesus Menghadap Pilatus	64
Pelajaran 30	Penyaliban	66
Pelajaran 31	Jam Selepas Penyaliban	68
Pelajaran 32	Kebangkitan	70
Pelajaran 33	Sarapan Terakhir	72
Pelajaran 34	Perintah Untuk Memberitakan Injil	74
Nota		76

# Pelajaran 1

## Kata Pengantar Kisah Injil dan Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal

Berdasarkan Bab 1 dalam E-Pelajar

### Tema:

Tuhan memilih Yohanes

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar berterima kasih kepada Tuhan kerana memilih mereka sebelum mereka lahir dan Dia mempunyai rancangan tersendiri untuk hidup mereka masing-masing.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 1:5 – 25, 57 – 80



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Mengetahui ciri Berita Baik tentang Yesus.
2. Misi Yohanes adalah mempersiapkan jalan bagi Mesias.

### Ayat Hafalan:

"Aku tahu rancangan-rancangan yang Kubuat bagi kamu," demikianlah firman Tuhan, "iaitu 'rancangan kesejahteraan, bukan malapetaka, untuk 'mengurniakan kepada kamu masa depan dan harapan.'" Yeremia 29:11


## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Herodes adalah \_\_\_\_\_ dari Yudea.
2. \_\_\_\_\_ isteri Zakharia.
3. Mereka \_\_\_\_\_ anak.

## Warnakan

Kenal pasti siapa yang muncul kepada Zakharia.



## Cari

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Benarkah Zakharia imam di Yudea? ( Benar / Palsu )
2. Benarkah Zakharia dan Elisabet tiada anak? ( Benar / Palsu )

## Isi tempat kosong

1. Malaikat berkata Yohanes akan menjadi orang m \_ \_ \_ a.
2. Yohanes tidak dibenarkan minum a \_ a \_.
3. Yohanes akan dipenuhi oleh R \_ \_ h K \_ \_ \_ s.

## Respons

Apakah yang boleh dipelajari tentang Tuhan melalui cerita ini?

## Doa

Ya Tuhan, bantulah saya percaya Engkau selalu. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 2

## Kelahiran Yesus Diramal

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

### **Tema:**

Kami yakin bahawa Tuhan menepati segala janji-Nya

### **Tujuan Pelajaran:**

Agar pelajar yakin akan kesetiaan Tuhan dan percaya bahawa Dia menepati segala janji-Nya kepada mereka.

### **Rujukan Alkitab:**

Lukas 1:26 – 56;  
Matius 1:18 – 25



## BELAJAR

### **Kebenaran Alkitab:**

1. Tuhan memilih anak dara dari keluarga miskin untuk melahirkan Anak-Nya.
2. Maria mempercayai malaikat dan berserah kepada rancangan Tuhan.

### **Ayat Hafalan:**


Maria berkata, "Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu." Lalu malaikat pun meninggalkannya.  
Lukas 1:38

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Tuhan mengutus malaikat G\_\_briel ke Nazaret.
2. Maria tak\_\_t.
3. Maria berkata: "Saya hamb\_\_ Tuhan."

**Carikan jalan**  
Pimpin Maria dalam  
perjalanannya  
untuk tinggal  
bersama  
sepupunya, Elisabet.



## Ya atau Tidak?

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Tuhan memilih Maria untuk melahirkan Yesus. ( Ya / Tidak )
2. Elisabet menamakan anaknya Yesus. ( Ya / Tidak )

## Respons

Apakah yang boleh dipelajari daripada Maria melalui cerita ini?

## Doa

Ya Tuhan, bantulah saya mentaati perintah-Mu. Dalam nama Yesus,  
Amin.

# Pelajaran 3

## Kelahiran Yesus

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

### Tema:

Yesus Dilahirkan

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar membuat keputusan untuk selalu mentaati Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 2:1 – 20;

Matius 1:18 – 25



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Yusuf mentaati Tuhan dan mengahwini Maria.
2. Gembala kambing dipilih Tuhan menjadi yang pertama mendengar berita kelahiran Yesus.

### Ayat Hafalan:

Apabila Yusuf terjaga, dia pun mematuhi apa yang disampaikan oleh malaikat Tuhan itu lalu berkahwin dengan Maria. Matius 1:24

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Maria dan Yusuf pergi ke \_\_\_\_\_.
2. Tiada bilik untuk mereka di \_\_\_\_\_.
3. Maria membaringkan Yesus di \_\_\_\_\_.

# Tafsir

Isi tempat kosong dengan huruf menggunakan nombor sebagai panduan.

1 16 1 2 9 12 1 25 21 19 21 6 20 5 18 10 1 7 1, 4 9 1  
16 21 14 13 5 13 1 20 21 8 9 1 16 1 25 1 14 7  
4 9 19 1 13 16 1 9 11 1 14 15 12 5 8 13 1 12 1 9 11 1 20  
20 21 8 1 14 9 20 21 12 1 12 21 2 5 18 11 1 8 23 9 14  
Matus 1:24  
4 5 14 7 1 14 13 1 18 9 1.

A=1	D=4	G=7	J=10	M=13	P=16	S=19	V=22	Y=25
B=2	E=5	H=8	K=11	N=14	Q=17	T=20	W=23	Z=26
C=3	F=6	I=9	L=12	O=15	R=18	U=21	X=24	

## Kuiz

Pilih jawapan yang betul.

*pertunangan*                      *takut*

1. Yusuf ingin putuskan \_\_\_\_\_ dengan Maria.
2. Malaikat beritahu Yusuf, "Jangan \_\_\_\_\_ kahwin dengan Maria."

## Respons

Apakah yang boleh dipelajari tentang keperibadian Yusuf?

## Doa

Ya Tuhan, bantulah saya mentaati Engkau selalu. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 4

## Bintang dan Ahli ilmu Bintang

Berdasarkan Bab 3 dalam E-Pelajar

### Tema:

Menyembah Tuhan

### Tujuan Pelajaran:

Sedar bahawa Tuhan layak disembah.

### Rujukan Alkitab:

Matius 2:1 – 23;

Lukas 1:46 – 56; 2:8 – 20



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Yesus dilahirkan dan diletakkan dalam palung di Betlehem.
2. Dia akan disembah oleh semua orang.
3. Tuhan melindungi Yusuf dan keluarganya.

### Ayat Hafalan:

“Kerana dia telah menumpukan kasihnya kepada-Ku, maka Aku akan melepaskannya; Aku akan meletakkannya di tempat tinggi, kerana dia mengetahui nama-Ku. Mazmur 91:14


## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Ahli il\_\_u bintang melihat tanda pada bintang.
2. Mereka mengikut b\_\_ntang ke Yerusalem.
3. Herodes ingin membunuh semua l\_\_laki berumur dua tahun ke bawah.
4. Tuhan suruh Yusuf melarikan diri ke M\_\_sir.

# Tafsir

Fotostat muka surat ini. Warnakan dan gunting bulatan ini.



## Respons

Mengapakah ahli ilmu bintang ingin menyembah Yesus?

## Doa

Ya Tuhan, Engkau sahaja yang ingin saya sembah. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 5

## Yohanes Pembaptis

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

### Tema:

Pembaptisan

### Tujuan Pelajaran:

Yesus mentaati kehendak Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 3:1 – 2

2, Matius 3:1 – 17



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Yohanes mengkhabarkan pertaubatan serta memberitakan kedatangan Yesus.
2. Yesus taat kepada Tuhan dan dibaptis.

### Ayat Hafalan:

"Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-Nya" Ibrani 5:8

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Yohanes mengkhabarkan per \_\_\_\_\_ kepada semua orang.
2. Yohanes membaptis penganut di Sungai Y \_\_\_\_\_ n.
3. Yohanes membaptis Y \_\_\_\_\_.

## Tafsir

Kenal pasti apa yang dikatakan oleh suara dari syurga.

Isi tempat kosong dengan huruf menggunakan nombor sebagai panduan.

" \_\_\_\_\_  
"9 14 9 12 1 8      1 14 1 11 -11 21      25 1 14 7  
  
\_\_\_\_\_  
1 11 21 11 1 19 9 8 9.      4 9 1      4 5 14 7 1 14 - 14 25 1  
  
\_\_\_\_\_  
1 11 21      2 5 18 11 5 14 1 14."      Matius 3:17"

A=1	D=4	G=7	J=10	M=13	P=16	S=19	V=22	Y=25
B=2	E=5	H=8	K=11	N=14	Q=17	T=20	W=23	Z=26
C=3	F=6	I=9	L=12	O=15	R=18	U=21	X=24	

## Benar/Palsu

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Yohanes berkata bahawa pokok yang tidak berbuah akan ditebang dan dibakar. (Benar/Palsu)
2. Yohanes membaptis dengan menggunakan api. (Benar/Palsu)

### Doa

Ya Tuhan, bantulah saya mentaati kehendak-Mu untuk saya. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 6

## Pencubaan Yesus

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

### Tema:

Firman Tuhan membekalkan kami dengan kuasa

### Tujuan Pelajaran:

Alkitab memberikan kita kuasa untuk mentaati Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Matius 4:1 – 11



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Seperti Yesus, kita patut mengetahui Firman Tuhan dan pandai menggunakannya ketika menghadapi pencubaan.

### Ayat Hafalan:

Yesus menjawab, "Telah tersurat: 'Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Allah.'"  
"Matius 4:4

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Yesus berpuasa dan berdoa selama 4\_\_ hari dan malam.
2. Yesus lap\_\_r.
3. Iblis menyuruh Yesus menukarkan batu kepada r\_\_ \_\_i.

## Tafsir

Kenal pasti apa yang dikatakan Yesus kepada iblis.

**“daHkenhal gkenua enymabehm hTaun,  
IAhlaum nda Nk-pedayaa hjasaa gkeaun  
ibdaberat.”**

**Matius 4:10**

### Benar atau Palsu?

Bulatkan jawapan yang betul.

- |   |          |
|---|----------|
| 1. Yesus menyembah iblis.                                 | Ya/Tidak |
| 2. Yesus menggunakan ayat Alkitab untuk menegur iblis.    | Ya/Tidak |
| 3. Yesus dicuba beberapa kali.                            | Ya/Tidak |
| 4. Yesus melakukan mukjizat untuk manfaat diri sendiri.   | Ya/Tidak |
| 5. Setelah iblis beredar, malaikat datang melayani Yesus. | Ya/Tidak |

### Respons

Apakah yang boleh dipelajari tentang Yesus melalui cerita ini?

### Doa

Ya Tuhan, bantulah saya mentaati Engkau selalu dan berilah saya kuasa untuk menentang godaan. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 7

## Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

### Tema:

Relakan diri mengikut Tuhan.

### Tujuan Pelajaran:

Belajar bahawa Tuhan melihat hati dan bukan kebolehan kita ketika kita mentaati-Nya.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 5:1 – 11; 27 – 32;  
Matius 10:2 – 4



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Kelayakkan kita menjadi murid Yesus bukan berdasarkan kebolehan atau kemampuan kita tetapi pada kerelaan kita mengikut-Nya.

### Ayat Hafalan:

"Allah tidak melihat sebagaimana manusia melihat. Manusia melihat penampilan lahiriah, tetapi Tuhan melihat hati." 1 Samuel 16:7b


## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Simon, Andreas, Yakobus dan Yohanes adalah n\_\_\_\_ n.
2. Matius adalah p\_\_\_\_ cukai.
3. Yesus memberitahu Petrus bahawa Dia akan jadikan mereka p\_\_\_\_ m\_\_\_\_\_.

## Lukis dan warna

Lukiskan ikan dalam jala.



## Benar atau Palsu?

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Petrus berusaha sepanjang hari dan malam tetapi masih tidak menangkap seekor ikan pun. Benar /Palsu
2. Petrus tidak mendengar kata Yesus. Benar /Palsu
3. Ahli Farisi bersukacita kerana Yesus makan bersama mereka yang berdosa. Benar /Palsu

### Respons

Apakah yang boleh dipelajari tentang para murid melalui cerita ini?

### Doa

Ya Tuhan, bantulah saya agar sudi mengikut Yesus. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 8

## Panggilan 12 Murid

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

### Tema:


Belajar berdoa.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar mengutamakan doa dalam hidup masing-masing.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 1:43 – 51;  
Lukas 6:12 – 16



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus berdoa sebelum memilih 12 murid-Nya. Mereka akan belajar daripada-Nya dan kemudian menjadi wakil utama-Nya dalam mendirikan gereja-Nya.

### Ayat Hafalan:

"Jangan bimbangkan apa pun. Dalam segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah. Dan sejahtera Allah yang melebihi pengertian manusia akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus." Filipi 4:6 – 7

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Yesus memilih \_\_\_ \_\_\_ murid.
2. Para murid akan menjadi p\_\_\_ \_\_\_ \_\_\_ \_\_\_n gereja awal.



# Pelajaran 9

## Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

### Tema:

Mempelajari belas kasihan.

### Tujuan Pelajaran:

Menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang tersisih.

### Rujukan Alkitab:

Matius 4:23 - 25;  
Lukas 5:12 - 16



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus mengembara ke seluruh Galilea untuk mengajar dan menyembuh. Dia menyembuhkan seorang pesakit kusta.

### Ayat Hafalan:

"Sebagai orang pilihan Allah yang suci dan amat dikasihi-Nya kamu haruslah bersifat belas kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar." Kolose 3:12


## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Yesus m\_\_\_\_\_r dan m\_\_\_\_\_h di seluruh Galilea.
2. Pesakit kusta dianggap n\_\_\_\_\_.
3. Pesakit kusta tersebut percaya bahawa Yesus mempunyai kuasa m\_\_\_\_\_h.

## Cari jalan

Bantu pesakit kusta tersebut mencari jalan kepada Yesus.



## Benar/Palsu

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Yesus berbelas kasihan lalu menyembuhkan lelaki yang menghidap penyakit kusta itu. ( Benar / Palsu )
2. Kulit lelaki tersebut segar dan baharu. ( Benar / Palsu )
3. Yesus berkata, "Pergi umumkan apa yang sudah berlaku. ( Benar / Palsu )

### Respons

Bagaimanakah kita tunjukkan belas kasihan terhadap mereka di keliling kita?

### Doa

Ya Tuhan, ajarlah saya mengasihi sahabat serta mereka yang di keliling saya. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 10

## Kuasa Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

### Tema:

Yesus mengampuni.

### Tujuan Pelajaran:

Sedar bahawa dosa kita akan diampuni oleh Yesus jika kita insaf.

### Rujukan Alkitab:

Markus 2:1 – 12



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus berkuasa mengampun dosa.

### Ayat Hafalan:


"Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan." 1 Yohanes 1:9

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Ramai yang datang berjumpa Y\_\_\_\_.
2. Empat orang lelaki memikul seorang yang l\_\_\_\_\_.
3. A\_\_\_\_\_ T\_\_\_\_\_ tidak suka apa yang Yesus katakan dan lakukan.

Fotostat, warna dan gunting. Buatlah rumah.



## Respons

1. Apakah yang boleh dipelajari daripada 4 sahabat orang lumpuh?
2. Adakah Yesus mengampuni kita apabila kita telah buat salah?

## Doa

Ya Tuhan, saya minta maaf untuk segala kesalahan yang telah saya buat. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 11

## Ucapan Bahagia

Berdasarkan Bab 7 dalam E-Pelajar

### Tema:

Cara betul untuk hidup.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar digalakkan oleh kesedaran bahawa mereka diberkati apabila melakukan apa yang benar mengikut pandangan Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Matius 5:3 – 12, 17 – 48



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Mereka yang melakukan apa yang benar pada pandangan Tuhan akan diberkati.

### Ayat Hafalan:

"Diberkatilah mereka yang suci hati, kerana mereka akan melihat Allah." Matius 5:8

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Yesus mengajar di tepi g\_\_ \_\_ \_\_g.
2. Ramai o\_\_ \_\_ \_\_g yang ingin berjumpa dengan Yesus.
3. Yesus ingin mengajar orang ramai tentang apa yang diharapkan oleh T\_\_ \_\_ \_\_ \_\_ daripada kita.

# Cari

Cari 8 ciri-ciri yang disebutkan Yesus dalam Khutbah di Bukit.

- Miskin kerohanian
- Bersedih hati
- Rendah diri
- Lapar kebenaran
- Cepat marah
- Berpengasihian
- Suci hati

- Dianiaya demi Tuhan
- Diejek demi Tuhan
- Suka mencuri
- Suka bergaduh
- Suka bercakap bohong
- Suka dipuji
- Suka bercakap besar

## Benar/Palsu

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Tuhan memberkati mereka yang kaya (Benar/Palsu)
2. Tuhan memberkati mereka yang berpengasihian (Benar/Palsu)
3. Yesus berkata patut berdukacita apabila difitnah (Benar/Palsu)

## Respons

Antara ucapan bahagia, yang manakah paling susah anda ikuti?  
Kenapa?

## Doa

Ya Tuhan, Terima kasih kerana mengajar kami cara yang betul untuk hidup. Bantulah kami O Tuhan, belajar bagaimana hidup untuk-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 12

## Khutbah di Bukit

Berdasarkan Bab 7 dalam E-Pelajar

### Tema:

Kehidupan yang menggembirakan Tuhan.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar mengamalkan cara hidup yang mereka tahu akan menggembirakan Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Matius 5:17 – 48



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus ingin memastikan murid-Nya betul-betul faham bagaimana Tuhan ingin penganut-Nya hidup.

### Ayat Hafalan:

"Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga."  
Matius 5:16


## Cari

### Isikan Tempat Kosong


1. Yesus ingin memberi p\_\_\_\_\_n yang lebih baik tentang Taurat.
2. Orang ramai mendapati sukar untuk menerima p\_\_\_\_\_ Yesus.
3. Yesus mengajar dengan ke\_\_\_\_\_.

# Betulan

Ayat Alkitab berikut dicampuraduk merata-rata. Aturkan kembali semula dengan memadamkan bentuk.



Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna. Roma 12:2



## Respons

Bayangkan anda di sebuah pulau di mana anda boleh melakukan apa sahaja mengikut suka hati. Apa yang akan terjadi? Senaraikan dua perkara baik:

Senaraikan dua perkara buruk:

## Doa

Ya Tuhan, bantulah saya hidup agar menggembirakan-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 13

## Iman, Kuasa dan Kewibawaan

Berdasarkan Bab 8 dalam E-Pelajar

### Tema:

Keyakinan dalam Yesus.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar menyerahkan segala kegentaran tentang segala penyakit atau roh jahat kepada Yesus kerana Dia mempunyai kewibawaan atas segala-galanya.

### Rujukan Alkitab:

Matius 8:5 – 13;

Markus 4:35 – 41; 5:1 – 20



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Yesus memuji iman Ketua askar Roma lalu menyembuhkan hambanya.
2. Yesus menunjukkan kewibawaan-Nya ke atas kuasa-kuasa alam semulajadi dengan meredakan ribut.
3. Yesus menunjukkan kewibawaan dan kuasa-Nya dengan menghalau roh jahat.

### Ayat Hafalan:

"Mereka berasa gerun lalu berkata sesama sendiri, "Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya!"  
Markus 4:41


## Cari

### Isikan Tempat Kosong


Yesus melakukan 3 mukjizat iaitu:-

- a)
- b)
- c)


# Lukis cerita komik




Yesus dan murid menaiki perahu.




Yesus tidur ketika perahu belayar.




Angin kencang mula bertiup.



Ombak mula melimpahi perahu.



Yesus mengarahkan angin dan ombak bertenang.



Laut tenang semula.

## Respons

Mengapa penting untuk beriman?

## Doa

Ya Tuhan, tiada apa-apa yang Engkau tidak mampu lakukan. Oleh sebab itu kami yakin dan percaya kepada-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 14

## Yesus dan Anak Yairus

Berdasarkan Bab 9 dalam E-Pelajar

### Tema:


Yesus menyembuhkan.  
Kita patut beriman.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar tetap meyakini Tuhan walaupun dikelilingi mereka yang tidak percaya.

### Rujukan Alkitab:

Markus 5:21 – 43



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus menyembuhkan seorang wanita dengan masalah pendarahan dan membangkitkan perempuan mati. Kedua-dua cerita ini menunjukkan kepentingan beriman dalam segala urusan dengan Tuhan.

### Ayat Hafalan:

"Yesus tidak menghiraukan kata-kata itu. Dia berkata kepada ketua saumaah, "Jangan takut, percaya sahaja." Markus 5:36

## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Y\_\_\_\_\_ merayu Yesus datang untuk memulihkan anaknya.
2. Wanita yang menghidap penyakit pendarahan dianggap n\_\_\_\_\_.

# Tafsir

Kenal pasti apa yang dikatakan Yesus kepada anak Yairus.

20 1 12 9 20 8 1

11 21 13

A=1	D=4	G=7	J=10	M=13	P=16	S=19	V=22	Y=25
B=2	E=5	H=8	K=11	N=14	Q=17	T=20	W=23	Z=26
C=3	F=6	I=9	L=12	O=15	R=18	U=21	X=24	

## Benar/Palsu

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Frasa "Talitha kum" bererti "Anak perempuan, Aku berkata kepadamu, bangunlah!" (Ya/Tidak)
2. Yairus tidak yakin yang Yesus boleh memulihkan anaknya. (Ya/Tidak)
3. Wanita tersebut sembuh hanya dengan menyentuh pakaian Yesus. (Ya/Tidak)

## Respons

Adakah anda fikir mukjizat-mukjizat tersebut boleh dilakukan tanpa iman?

## Doa

Ya Tuhan, tiada yang mustahil bagi-Mu. Kami percaya Engkau adalah Tuhan yang mampu melakukan apapun walaupun yang mustahil. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 15

## Memberi Makan Kerumunan Besar

Berdasarkan Bab 10 dalam E-Pelajar

### Tema:

Tuhan akan menjaga kita.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar memuji Tuhan kerana menjaga keperluan fizikal mereka.

### Rujukan Alkitab:

Matius 14:13 – 21;

Yohanes 6:1 – 33



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus menyediakan makanan rohani dan jasmani untuk kerumunan besar itu. Sekali lagi, Yesus membuktikan di hadapan murid-Nya kewibawaan-Nya ke atas alam semulajadi.

### Ayat Hafalan:

"Tuhan ialah gembalaku, aku tidak akan kekurangan apa-apa pun."  
Mazmur 23:1


## Cari

### Isikan Tempat Kosong

1. Yesus m\_\_\_\_\_ kerumunan besar itu.
2. Yesus memberi kerumunan tersebut makan dengan 5 \_\_\_\_\_ dan 2 \_\_\_\_\_.
3. Yesus berjalan di atas a\_\_\_\_\_.

# Tafsir

Makanan yang diberikan Yesus kepada kerumunan.



## Benar/Palsu

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Yesus menghantar pergi kerumunan tersebut supaya mereka boleh membeli makanan untuk diri masing-masing. (Ya/Tidak)
2. Makanan lebih daripada mencukupi untuk kerumunan. (Ya/Tidak)
3. Petrus boleh berjalan di atas air. (Ya/Tidak)

## Respons

Bagaimanakah kita boleh membantu seperti budak lelaki dalam cerita ini?

## Doa

Ya Tuhan, Terima kasih kerana menjaga saya. Saya mahu menjadi orang yang suka membantu seperti budak dalam cerita tersebut. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 16

## Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias

Berdasarkan Bab 11 dalam E-Pelajar

### Tema:

Yesus bertanya kepada murid-Nya siapakah Dia.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar menyerahkan hidup kepada Yesus kerana Dia mati berkorban untuk dosa mereka.

### Rujukan Alkitab:

Matius 16:13 – 26



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Yesus merupakan Mesias yang dihantar Tuhan untuk menderita dan mati sebagai korban untuk menebus dosa dunia.

### Ayat Hafalan:

"Simon Petrus menjawab, "Engkau ialah Kristus, Anak Allah Yang Hidup."  
Matius 16:16

## Cari

Baca Matius 16:13 – 26. Selepas itu bulatkan jawapan yang betul.

1. Dalam cerita ini, Yesus membawa murid-Nya ke Yerusalem. Benar/Palsu
2. Ada yang berpendapat Yesus adalah Yohanes Pembaptis. Benar/Palsu
3. Petrus berkata kepada Yesus, "Engkaulah Kristus, anak Tuhan Yang Hidup." Benar/Palsu

Warnakan gambar ini



### Respons

Bagaimanakah kita boleh berterima kasih kepada Tuhan kerana menghantar Yesus berkorban untuk dosa kita?

### Doa

Ya Tuhan, Terima kasih kerana menghantar Yesus Kristus untuk berkorban demi dosa saya. Bantulah saya \_\_\_\_\_

# Pelajaran 17

## Pemuliaan

Berdasarkan Bab 11 dalam E-Pelajar

### Tema:


Yesus menampakkan kemuliaan-Nya kepada murid-murid paling karib-Nya.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar belajar bahawa apabila mereka setia kepada Tuhan, Dia akan mendedahkan perkara dalam hati-Nya.

### Rujukan Alkitab:

Matius 17:1 – 13



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

Apabila kita setia berjalan bersama Tuhan, Dia akan mendedahkan perkara dalam hati-Nya.

### Ayat Hafalan:

"Rahsia Tuhan ada pada mereka yang takut kepada-Nya; dan Dia akan menunjukkan mereka perjanjian-Nya."  
Mazmur 25:14

## Cari

Bulatkan murid yang menyaksikan Pemuliaan Yesus.

Andreas

Tadeus

**Yunus**

**Yohanes**

**Filipus**

*Natanael*

Matius

**Yakobus**

**Yudas**

Petrus

# Lukiskan gambar komik tentang Pemuliaan



Tetapi tiba-tiba, \_\_\_\_\_

Petrus berkata, " \_\_\_\_\_ "

Tapi Yesus berkata, " \_\_\_\_\_ "

## Respons

Bukankah Tuhan begitu baik kerana mendedahkan hati dan rancangan-Nya kepada mereka yang mengasihi-Nya dan mendekati-Nya? Salah satu cara mendekati Yesus adalah melalui keinginan menjalin hubungan lebih erat dengan-Nya dan setia mentaati-Nya.

Senaraikan apa yang boleh anda buat untuk menjalin hubungan lebih rapat dengan Yesus.

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

Senaraikan bagaimana anda boleh lebih mentaati Yesus.

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

## Doa

Bagitahu Yesus betapa kamu mengasihi-Nya dan ingin mendekati-Nya lagi.

# Pelajaran 18

## Wanita Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati

Berdasarkan Bab 12 dalam E-Pelajar

### Tema:

Yesus mengajar supaya mengasihi dan membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira bangsa, jantina, ataupun sama ada mereka mempunyai pandangan yang berbeza daripada kita.

### Tujuan Pelajaran:

Berusaha mengasihi mereka yang memerlukan bantuan tanpa menghiraukan betapa berbeza mereka daripada kamu.

### Rujukan Alkitab:

Matius 22:37-39



### Ayat Hafalan:

"Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku." Matius 28:19-20

## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Yesus meruntuhkan penghalang yang sejak dahulu memisahkan orang Yahudi dan orang Samaria, dan antara jantina.
2. Yesus sengaja menggambarkan orang Samaria sebagai wira yang membantu jirannya.

## Cari

Isikan perkataan yang betul

1. Orang Yahudi tidak bergaul dengan \_\_\_\_\_.
2. \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ tidak membantu lelaki yang dirompak.


imam

orang Samaria

orang Lewi

## Carikan orang yang berbudi baik ("Orang Samaria yang Baik Hati")

Warnakan gambar yang menunjukkan kanak-kanak yang membantu



### Bulatkan jawapan yang betul

1. Yesus berkata, "Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu." Benar/Palsu
2. Jiran kamu hanyalah orang yang tinggal di rumah sebelah. Benar/Palsu

### Respons

1. Siapakah sesama manusia bagi kamu?

---

---

2. Mudah untuk mengasihi seseorang yang kita suka. Bagaimana pula mereka yang kita tidak suka atau mereka yang berbeza? Adakah orang seperti itu di sekolah kamu? Jikalau ada, bagaimana boleh kita menerapkan pelajaran hari ini dalam hidup kita?

---

---

---

### Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana menunjukkan kepada saya untuk mengasihi mereka yang bukan macam saya. Bantulah saya berbaik and mesra dengan mereka. Dalam nama Yesus, Amin.

# Pelajaran 19

## Kepentingan Menjadi Rendah Hati

Berdasarkan Bab 13 dalam E-Pelajar

### Tema:

Yesus memanggil kita supaya menjadi rendah hati kerana hanya mereka yang rendah hati yang mampu menyentuh hati Tuhan.

### Tujuan Pelajaran:

Agar pelajar meminta Tuhan membantu mereka menjadi rendah hati.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 18:9-14;  
Matius 18:1-6



## BELAJAR

### Kebenaran Alkitab:

1. Lukas 18:24 " ...sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan."
2. Yesus menggunakan budak kecil untuk menunjukkan kepada murid-Nya yang Kerajaan Tuhan menghormati mereka yang merendahkan diri serta jujur dan mempercayai seperti anak-anak kecil.

### Ayat Hafalan:

"Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan."  
Lukas 18:14

## Cari

Isi tempat kosong menggunakan jawapan yang diberikan di bawah.

1. Yesus mengajar orang yang \_\_\_\_\_.
2. Orang Farisi tersebut \_\_\_\_\_.
3. Murid-murid Yesus bertengkar tentang siapa yang \_\_\_\_\_ dalam Kerajaan Tuhan.


**riak**

**terbesar**

**sombong**

# Orang Yang Sombong

Orang yang sombong bak belon yang kembang. Dia angkuh dan memandang rendah akan orang lain.



Fotostat muka surat ini.

Tebuk lubang di tengah setiap rajah kaki. Bantu pelajar yang memerlukan bantuan meniup belon mereka. Tunjukkan pelajar bagaimana memasang kaki kepada belon dengan memasukkan bahagian belon yang diikat menerusi lubang pada kaki. Mereka patut menyapu gam pada kepingan lain.

Bincang bagaimana kadang-kadang kita mengata perkara buruk tentang orang lain untuk membesarkan diri.

